

**SOALAN NO. 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN AHMAD MARZUK  
BIN SHAARY [BACHOK]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai badan pemantau dan pemerhati pilihan raya dalam setiap Pilihan Raya Umum. Nyatakan badan dan pihak yang telah bersetuju sebagai badan pemantau dan pemerhati bebas yang diiktiraf oleh Kerajaan dalam Pilihan Raya Umum ke-14 nanti.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah melantik sebanyak 17 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) sebagai Pemerhati Tempatan yang melibatkan 5 NGOs dari Semenanjung Malaysia, 9 NGOs dari Sarawak dan 3 NGOs dari Sabah semasa Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13. Pada PRU yang sama, SPR juga telah menjemput 4 Badan Pengurusan Pilihan Raya (EMBs) negara ASEAN iaitu Kemboja, Myanmar, Thailand dan Indonesia serta Sekretariat ASEAN sebagai Pemerhati Antarabangsa yang melibatkan 18 orang pemerhati.

Buat masa ini, SPR masih belum membuat sebarang pelantikan Pemerhati Tempatan/ Antarabangsa untuk PRU Ke-14. Berhubung dengan perkara ini, SPR sedang meneliti dan mengkaji keperluan tersebut di mana ia akan diputuskan oleh SPR kelak.

Sekian, terima kasih.